



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI DALAM KONTEKS
SENI VISUAL**

Auni Zahidah Binti Abu

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2017**

VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI DALAM KONTEKS SENI VISUAL

AUNI ZAHIDAH BINTI ABU

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 23 of January 2017

Student's Declaration:

I AUNI ZAHIDAH BINTI ABU (40654) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled *VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI DALAM KONTEKS SENI VISUAL* is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.




AUNI ZAHIDAH (40654)

23 JANUARY 2017

Date Submitted

Supervisor's Declaration:

I DR. YAKUP MOHD RAFEE hereby certifies that the work entitled *VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI DALAM KONTEKS SENI VISUAL* prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: 

(DR.YAKUP MOHD RAFEE)

Date: 23/1/2017

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature 
(Date: 23 JANUARY 2017)

Supervisor signature 
(Date: 23/1/2017)

Current Address:

NO34, JALAN KOTA WIRA, TAMAN KOTA WIRA, 34010, TAIPING, PERAK DARUL RIDZUAN.


Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI DALAM KONTEKS SENI VISUAL** telah disediakan oleh **AUNI ZAHIDAH BINTI ABU** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



DR YAKUP MOHD RAFEE)

Tarikh: 28/1/2017

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **AUNI ZAHIDAH BINTI ABU** disertai penulisan yang bertajuk **VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI DALAM SENI VISUAL** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:



(DR. YAKUP MOHD RAFEE)

Penyelia

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim...

Dengan nama Allah s.wt. Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke atas Ilahi dengan limpah rahmatNya serta nikmat masa dan tenaga yang dianugerahkan dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Di ruangan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Yakup Mohd Rafee iaitu penyelia yang telah memberikan sumbangan dari segi percambahan idea. Segala usaha dan komitmen beliau membantu membuka ruang ketika saya dalam kebuntuan idea. Semoga Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalas segala jasa baik beliau.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberi saya pemudahcara untuk saya menyiapkan tugas ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi sehingga saya berjaya merealisasikan tugas ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan idea dan pendapat serta kritikan yang membina dan bermanfaat untuk saya mengaplikasi dalam tugas ini. Selain itu, sekalung apresiasi juga buat pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan tugas ini. Semoga sumbangan anda diberkati oleh Allah s.w.t hendaknya. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan kalian, tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Abstrak.....	i
--------------	---

Abstract.....	ii
---------------	----

VISUALISASI KEADAAN HALUSINASI MELALUI KONTEKS SENI VISUAL**BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan.....	1-2
1.1 Penyataan masalah.....	3
1.2 Persoalan kajian.....	4
1.3 Objektif kajian.....	4
1.4 Kepentingan kajian.....	5
1.5 Rumusan kajian.....	5

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan.....	6-7
2.1 Klasifikasi halusiansi melalui perspektif seni.....	7
2.1.1 Tinjauan sejarah terhadap kajian halusinasi.....	7-8
2.1.2 Klasifikasi halusinasi.....	8-9
2.1.3 Halusinasi dalam konteks seni visual.....	9-11
2.2 Rujukan contoh karya.....	11-14
2.3 Rujukan berkaitan visualisasi.....	15
2.4 Rujukan berkaitan teori emosi.....	15-17

BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan.....	18-20
3.1 Rujukan buku.....	20-21
3.2 Laman web.....	22
3.3 Pemerhatian.....	22-24
3.4 Analisa visual.....	24-26
3.5 Lakaran.....	26-28
3.6 Eksperimentasi.....	28-29
3.7 Praktis berdasarkan kajian	29-30
3.8 Rumusan kajian.....	30

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan.....	31-32
4.1Hasil dapatan buku rujukan dan tambahan.....	32-33
4.2 Pemerhatian.....	33
4.2.1 Artis.....	33
4.2.1.1 Yayoi Kusama dan karya beliau.....	33-36
4.2.1.2 Pipilotti Rist dan karya beliau.....	37-38
4.3 Analisa visual.....	39
4.3.1 Analisa terhadap karya Yayoi Kusama.....	39
4.3.1.1 Gambaran keseluruhan karya Yayoi Kusama.....	39-40
4.3.1.2 Ringkasan Hasil Dapatan Karya Yayoi Kusama.....	40

4.3.2 Analisa terhadap karya Pipilotti Rist.....	41
4.3.2.1 Gambaran keseluruhan karya Pipilotti Rist.....	41
4.3.2.2 Ringkasan Hasil Dapatkan Karya Pipilotti Rist.....	42-43
4.4 Lakaran.....	44
4.4.1 Lakaran manual.....	42-47
4.4.2 Lakaran Digital.....	47-48
4.5 Eksperimentasi.....	48
4.6 Praktis.....	49-50
4.7 Kesimpulan.....	50-51

BAB 5 : KARYA PERIBADI

5.0 Proses penghasilan karya peribadi.....	52
5.1 Proses penghasilan karya.....	52-58
5.2 Proses penyuntingan.....	58-59
5.3 Imej yang dipilih.....	59-61
5.4 Proses penghasilan <i>stand</i> karya.....	61-62
5.5 Karya akhir.....	63
5.6 Kesimpulan.....	64-65

6.0 BIBLIOGRAFI

6.1 Rujukan Buku.....	66-67
6.2 Rujukan Internet.....	68-69

ABSTRAK

Melalui kajian ini, aspek visualisasi terhadap keadaan emosi dari halusinasi telah dijalankan oleh pengkaji. Namun begitu, aspek psikologi sebegini lazimnya dikaji dalam konteks psikologi kognitif. Ironinya, pengkaji cuba melihat dari perspektif seni visual berkaitan aspek tersebut. Justeru itu, penyelidikan ini akan membincangkan mengenai visualisasi berkaitan keadaan emosi dan halusinasi dari perspektif seni visual. Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi daripada penelitian dan sumber berkaitan skop kajian seperti melalui kajian lepas, observasi, eksperimentasi, seterusnya pengkaji akan menggabungkan elemen tersebut serta mengaplikasi hasil dapatan tersebut ke dalam karya peribadi selain ia juga dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain menerusi konteks kajian yang sama.

Kata Kunci: Visualisasi, halusinasi, Konteks Seni Visual

ABSTRACT

In this research, the aspects of the visualization of the emotional state of hallucination has been done by the researcher. However, these psychological aspects are usually examined in the context of cognitive psychology. Ironically, the researcher tried to see it through the perspective of visual art. Therefore, this research are discussed about the visualization of the emotional state of hallucination through visual art perspectives. Based on the research findings, the researcher has applied the related resources such as through previous research, observation and experimentation into personal artwork and suitable as a reference for others researcher in the same context.

Keywords: *Visualisation, Hallucination, Visual Art Context*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Sesuatu perluahan perasaan yang terpendam di dalam diri seseorang dapat disalurkan melalui karya-karya seni. Sesungguhnya, seni itu sangat luas ruang lingkupnya. Justeru itu melalui karya seni, seseorang seniman dapat berinteraksi dengan masyarakat. Zakaria Ali (1989), ada menyatakan bahawa seni itu mesti bergantung kepada ilmu. Hal demikian kerana tanpa ilmu kesenian, objek itu agak sukar untuk dicungkil. Maka, seseorang yang terlibat dalam bidang seni haruslah berilmu serta menghayati kesenian tersebut. Bukan itu sahaja, malah beliau menyifatkan ilmu sebagai cantuman antara kedua-duanya yang mana saling berkait rapat. Menurut kenyataan Fuad Arif (2014), pula menyatakan bahawa objek adalah sebahagiannya berautonomi dalam konteksnya. Menerusi kenyataan tersebut, beliau menyifatkan kepentingan atau hubungkait antara penciptaan sesebuah karya seni dengan objek atau bahan dimana dianggap sebagai suatu perwakilan menerusi karya dalam konteks yang hendak seniman ungkapkan.

Maka, jelas di sini bahawa seni yang dihasilkan tersebut adalah sesuatu yang bertunjangkan emosi dan berdaharkan intelektual bukan sekadar untuk mengisahkan, keperluan dan tuntutan sahaja. Justeru itu hasil seni yang bagus itu bukan sahaja dilihat dari sudut makna, malah juga dapat dijadikan rujukan kepada masyarakat.

Menurut seorang pakar dalam bidang visualisasi iaitu Valle (2015), ada menyatakan bahawa seseorang artis melihat apa yang tidak dapat dilihat dan menjadi medium komunikasi terhadap audien. Melalui penyelidikan ini, pengkaji ingin mengkaji

aspek visualisasi terhadap keadaan emosi dari halusinasi. Aspek psikologi sebegini kebiasaananya dikaji dalam konteks psikologi kognitif atau teori kognitisme. Menurut Margaret (2005), menyatakan bahawa psikologi kognitif mempunyai dua makna dimana bermaksud kepelbagaiannya aktiviti mental dalam otak seseorang dan merujuk kepada pendekatan teoritikal psikologi seperti proses mental dan pengetahuan manusia. Ironinya, pengkaji cuba melihat dari perspektif seni visual berkaitan aspek tersebut.

Bersandarkan kenyataan Fitria (2011), menjelaskan bahawa teknik visualisasi merupakan bentuk manipulasi secara fizikal dari sesuatu yang terhasil di dalam pemikiran seseorang serta kaedah cara untuk memindahkan ke dalam keadaan bentuk yang lebih nyata sama ada bentuk *verbal* mahupun visual. Penulis juga turut menyatakan bahawa proses visualisasi bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ketepatan dari segi makna serta mesej yang hendak disampaikan juga turut dibahaskan dimana proses transformasi daripada bentuk spiritual kepada *non-verbal*. Perkara ini juga turut disokong oleh Wileman (1980), menyatakan bahawa perancangan makna dalam bentuk visual memerlukan keupayaan mental dan fizikal serta rasional yang tepat dari setiap tahap dalam keseluruhan proses yang harus dilakukan.

Kajian ini lebih memfokuskan berkaitan ciri-ciri dan klasifikasi keadaan halusinasi dalam konteks seni visual. Selain itu, kajian ini turut dilakukan bagi mengkaji berkenaan bagaimana cara representasi serta medium yang berkesan dalam aspek visualisasi keadaan tersebut. Bardasarkan hasil dapatan yang diperolehi daripada penelitian dan sumber berkaitan skop kajian seperti melalui pembacaan, kajian lepas, observasi, eksperimentasi, seterusnya pengkaji akan menggabungkan elemen tersebut serta mengaplikasi ke dalam karya peribadi.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Dalam hal-hal yang melibatkan psikologi manusia khususnya keadaan emosi dari halusinasi secara amnya agak sulit untuk divisualkan dengan jelas kerana ia bersifat abstrak. Banyak aspek yang perlu diambil kira dan dikaji secara menyeluruh supaya tidak membawa kepada salah tafsiran dikalangan audien. Fakta ini juga disokong berdasarkan kenyataan Naar (1995), serta Roseman dan Evdokas, (2004).

“Emotion is a central part of our dealings with artworks seems undeniable. Yet, natural ideas about emotion, at least taken collectively, make it hard to see why such an assumption should be true. Once we know a bit more about emotion, it isn’t clear how we could see genuine emotion towards artworks in first place.” Naar, (1995).

“In fact, it is hard to explain interperson and intraperson variability in emotional experience by referring to objective features of events. In any situation, different people will respond with different emotions. And, in similar situations, the same person will have different emotions at different times.” Roseman & Evdokas, (2004).

Walaupun tidak dinafikan bahawa emosi dan seni saling berkait rapat, berdasarkan *modern theories of emotions* yang telah dikemukakan oleh Lazarus (1991), Roseman & Smith (2001), yang menyifatkan bahawa emosi itu sendiri merupakan titik permulaan atau tunjang yang mana bertindak balas terhadap seni.

Namun begitu, wujud permasalahan dalam aspek visualisasi keadaan emosi yang hadir dari kesan halusinasi yang mana jarang diutarakan dan diperjelaskan secara lebih mendalam melalui konteks seni halus. Oleh hal demikian, pengkaji merasa terpanggil untuk melakukan penyelidikan berdasarkan permasalahan tersebut.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah yang diklasifikasikan sebagai keadaan emosi dari halusinasi dalam konteks seni visual.
- ii. Apakah cara representasi dan medium yang berkesan dan sesuai digunakan dalam aspek visualisasi.
- iii. Bagaimanakah cara yang boleh diaplikasikan dalam karya peribadi daripada hasil dapatan kajian yang telah dikaji mengenai visualisasi keadaan emosi dari halusinasi.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti ciri-ciri dan klasifikasi keadaan halusinasi dalam konteks seni visual.
- ii. Menganalisis berkenaan cara representasi dan medium yang berkesan yang boleh diaplikasikan dalam aspek visualisasi.
- iii. Mengaplikasi hasil dapatan yang diperolehi mengenai elemen keadaan emosi dari halusinasi ke dalam karya peribadi.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Pada akhir kajian, pengkaji dapat mengenal pasti cara representasi berkenaan aspek halusinasi dalam konteks seni visual. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan, secara tidak langsung dapat membantu pengkaji untuk menvisualkan aspek tersebut kepada audien dalam bentuk karya peribadi.

1.6 RUMUSAN KAJIAN

Secara konklusinya, berdasarkan penelitian, pembacaan, serta kajian lepas yang telah dilakukan, pengkaji merasakan isu berkaitan visualisasi keadaan emosi dari halusinasi ini sememangnya lebih menjurus kepada bidang psikiatri, psikologi kognitisme dan neorobiologi. Namun begitu, tidak banyak kajian sebegini dilakukan dan diperjelaskan secara lebih mendalam melalui konteks seni halus. Oleh hal demikian, pengkaji merasa terpanggil untuk melakukan penyelidikan berdasarkan permasalahan tersebut. Keadaan halusinasi kebiasaannya dikaitkan dengan sesuatu yang tidak nyata, *absurd*, khayalan, ilusi, imaginasi, keadaan minda bawah sedar dan sebagainya. Hal-hal sedemikian hanya dialami oleh individu tertentu sahaja. Sebagai contoh, mimpi. Mimpi merupakan dimensi berbeza atau ilusi yang hadir semasa seseorang sedang tidur. Cuma individu tersebut sahaja yang merasai keadaan tersebut. Namun begitu, apa yang pengkaji cuba tampilkan ialah sesuatu yang membolehkan keadaan dari halusinasi tersebut divisualkan kepada audien melalui pendekatan seni dalam karya akhir.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Menurut Maharam (2010), kajian literatur merupakan suatu proses analisis secara kritikal berdasarkan penyelidikan yang dijalankan ke atas sesuatu topik atau persoalan khusus berkaitan bidang tersebut. Menurut penulis juga, ia merupakan analisa berupa kritikan sama ada membangun maupun menjatuhkan berdasarkan penelitian yang sedang dilakukan terhadap topik khusus atau pertanyaan terhadap bahagian dari keilmuan. Kajian literatur juga adalah merupakan cerita ilmiah berdasarkan permasalahan kajian yang mana membantu dari segi memberikan penjelasan yang lebih terperinci dan memfokuskan tentang permasalahan kajian.

Kepentingan kajian literatur dilakukan dalam sesebuah penyelidikan adalah untuk membentuk sebuah kerangka teori berdasarkan topik atau bidang penelitian. Selain itu, dalam bahagian kajian literatur juga pengkaji dapat menjelaskan definisi, kata kunci serta terminologi berkaitan skop kajian. Kajian literatur juga dilakukan untuk menentukan kajian, model, perkara-perkara lain yang mendukung topik serta menentukan lingkup penelitian berdasarkan kajian. Hal ini demikian kerana, kajian ini penting untuk mengetahui sumber-sumber kajian dan rujukan yang telah digunakan oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu melalui rujukan dari buku, *journal*, artikel, sumber internet dan sebagainya. Setiap fungsi tersebut penting untuk membuktikan kesahihan dan menjadi bahan sokongan dalam setiap kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Dalam hal ini, isu yang pengkaji ingin kemukakan dalam kajian ini adalah menjurus kepada visualisasi keadaan emosi dari halusinasi dimana pengkaji ingin mengetengahkan aspek ini dalam perspektif seni visual.

Oleh hal demikian, dalam bahagian kajian literatur ini akan membincangkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu yang menjurus kepada persoalan kajian. Perbincangan dalam kajian literatur ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu menjelaskan berkaitan apakah yang diklasifikasikan sebagai keadaan emosi dari halusinasi dalam konteks seni visual. Manakala, seterusnya pula menyentuh berkaitan kaedah representasi dan medium yang berkesan yang sesuai digunakan dalam aspek visualisasi. Kemudian menyentuh berkaitan bagaimanakah cara yang boleh diaplikasikan dalam karya peribadi daripada hasil dapatan kajian yang telah dikaji mengenai visualisasi keadaan emosi dari halusinasi.

2.1 Rujukan berkaitan klasifikasi keadaan emosi dari halusinasi melalui perspektif seni visual.

2.1.1 Tinjauan sejarah dalam kajian halusinasi.

Menurut West dan M. D. (2014), menyatakan tinjauan sejarah mengenai kajian berkaitan halusinasi sememangnya merujuk kepada perkembangan pemikiran saintifik dalam bidang psikiatri, psikologi dan neorobiologi. Pada tahun 1838, hubungan signifikan antara mimpi dan halusinasi telah dikemukakan. Kemudian bermula pada tahun 1840-an, pengkaji-pengkaji terdahulu menyifatkan bahawa halusinasi mempunyai pelbagai keadaan bukan sahaja psikologi malah turut melibatkan fizikal. Pada tahun 1845, seorang pakar psikologi Perancis iaitu Alexandre-Jacques-Francois Brierre de Boismont menyifatkan bahawa terdapat banyak klasifikasi keadaan halusinasi sama ada dengan konsentrasi tinggi, dengan renungan, atau hanya berlaku semasa gangguan psikiatri. Pada pertengahan akhir abad ke-19, kajian

halusinasi diteruskan. Pengkaji di Perancis khususnya, telah mengemukakan bahawa halusinasi adalah psikologi bersifat tidak normal, serta menurut perihal *hallucinosis* yang terjadi ketika seseorang berjalan semasa sedang tidur turut dikaitkan dengan tindak balas halusinasi. Namun pada tahun 1880-an, menurut John Hughlings Jackson yang merupakan pakar neorologi, menyifatkan halusinasi merupakan sesuatu bentuk khayalan yang dilepaskan atau dicetuskan oleh sistem saraf. Kemudiannya, muncul satu istilah lain di mana seorang pakar psikiatri iaitu Swiss Eugen Bleuler pada tahun 1857 hingga 1939 mentakrifkan halusinasi sebagai “*perceptions without corresponding stimuli from without,*” manakala menurut kamus *Psychiatric* pada tahun 1940 definisi halusinasi disebut sebagai “*apparent perception of an external object when no such object is present.*” Pada abad ke-20, muncul teori Sigmund Freud dimana beliau menyatakan berkaitan konsep aktiviti sedar dan tidak sedar yang mempunyai peranan baru melalui kandungan mimpi dan halusinasi.

Berdasarkan tinjauan sejarah yang dikemukakan oleh West.L.J dan M. D. (2014), maka jelas disini bahawa halusinasi sememangnya merujuk kepada perkembangan pemikiran saintifik dalam bidang psikiatri, psikologi dan neurobiologi. Hal demikian adalah berbeza berkaitan perspektif yang hendak dikaji berdasarkan aspek seni visual. Oleh itu, timbul persoalan sejauh manakah isu ini relevan untuk divisualisasikan dalam konteks seni visual? Serta adakan ciri-ciri berkaitan apa yang diklasifikasikan sebagai halusinasi terdapat pada karya-karya lepas?

2.1.2 Klasifikasi halusinasi

Menurut Lubis (1993), menyatakan bahawa halusinasi merupakan suatu penghayatan yang dialami seperti suatu persepsi melalui pancaindera tanpa stimulus dalaman iaitu andaian. Perubahan persepsi sensori, halusinasi adalah keadaan dimana individu atau kelompok mengalami atau berisiko mengalami suatu perubahan dalam jumlah, pola, atau

interpretasi stimulus yang datang. Menurut Stuart dan Laraia (1995), penulis ada menyatakan mengenai halusinasi dimana penulis mengklasifikasikan keadaan ini kepada tujuh kategori. Ia meliputi halusinasi pendengaran (*auditory*), halusinasi penglihatan (*visual*), halusinasi deria bau (*olfactory*), halusinasi deria rasa (*gustatory*), halusinasi sentuhan (*tactile*), halusinasi *kinaesthetic* dan halusinasi *hypnagogic* atau *hypnopompic* iaitu terjadi ketika tidur mahupun ketika dalam keadaan sedar.

Dalam hal ini, gabungan aspek Jain ke dalam bidang seni adalah sesuatu kelebihan dimana pengkaji dapat menerapkan berkaitan hal tersebut mengikut perspektif seni. Malahan Valle (2015), juga ada menyatakan mengenai saintis dan pengkarya iaitu Leonardo Da Vinci yang mana beliau turut melakukan hal yang sama dengan kombinasi antara bidang sains dan seni. Penulis juga turut menyatakan mengenai proses visualisasi dimana seseorang artis berusaha untuk mencapai perubahan dalam bentuk ekspresi visual, serta memberi kefahaman terhadap audien supaya menghayati konteks tersebut dalam aspek seni. Kebiasaannya, elemen seni seperti garisan, bentuk, rupa, kontras, warna, skala, komposisi dan pergerakan dimanipulasi untuk memberi kesan kepada emosi. Melalui seni, visualisasi dapat dibahagikan kepada empat iaitu menggunakan metafora, penceritaan dari permulaan sehingga titik akhir, serta melibatkan audien dan organisasi visual.

2.1.3 Halusinasi dalam konteks seni visual

Berkaitan halusinasi, terdapat satu terminologi dimana sering kali digunakan menurut pandangan seni visual mengenai hal tersebut yang dikenali sebagai “*Surrealism*”. Menurut buku yang ditulis oleh Cathrin (2011), menyatakan berkenaan definisi *surrealism* yang dikemukakan oleh Breton (1924), iaitu *pure psychic automatism* dimana ia bertujuan untuk menyatakan ekspresi sama ada secara lisan mahupun bertulis, atau sebaliknya berkaitan fungsi sebenar pemikiran. Breton telah mengadaptasi teras konsep berdasarkan idea-idea

Sigmund Freud. Beliau menganggap teori Freud sebagai penemuan semula kekuatan mimpi dan imaginasi. Beliau juga beranggapan bahawa kecenderungan intelektual baru akan merangsang artis serta membolehkan mereka merasa bebas. Sumbangan Sigmund Freud membantu dalam menerangkan minda bawah sedar sebagai fenomena yang dikawal oleh pemikiran dan tingkah laku manusia. Antara artis yang terlibat dalam aliran ini ialah Uccello, Seurat, Moreau, Mattise, Derain, Picasso, Braque, Duchamp, Picabia, Chirico, Klee, Man Ray, Ernst dan Masson.

Selain itu menurut Rubin dan David S. (2010), terdapat istilah iaitu “*Psychedelic Art*” dimana merupakan seni yang diilhamkan oleh pengalaman *psychedelic* sama ada melalui pengambilan dadah psikoaktif seperti LSD atau *psilocybin*. Menurut Johnson (2011), istilah *psychedelic* dicipta oleh ahli psikologi British iaitu Humphry Osmond yang mengkaji berkenaan kesan halusinogen. Definisi *psychedelic* diambil daripada perkataan Greek iaitu *psyche* dan *delos* yang bermaksud “*mind manifesting*”. Berdasarkan istilah tersebut, sebarang aktiviti seni yang menggambarkan hal dalaman yang berupa jiwa dikategorikan sebagai *psychedelic*. Manakala, dalam istilah biasa “*Psychedelic Art*” merujuk kepada semua pergerakan seni lewat tahun 1960-an. Seterusnya, seni visual *Psychedelic* dan muzik rock *Psychedelic* adalah saling berkait rapat pada masa tersebut dimana sebarang poster konsert, *cover album*, *lightshows*, mural, buku komik, surat khabar yang bergerak secara *underground* serta banyak lagi yang digambarkan bukan sahaja berkaitan *kaleidoscopically* seakan corak pusaran yang terhasil melalui halusinasi disebabkan pengambilan LSD. Selain itu, *Psychedelic Art* juga sering dikaitkan dengan isu revolusi politik, sentimen sosial dan spiritual yang diilhamkan menerusi pandangan yang melalui kesedaran *psychedelic*.

Ciri-ciri “*Psychedelic Art*” adalah sesuatu yang berupa fantasi, metafizikal dan hal benda yang bersifat surrealistik sebagai contoh corak *kaleidoscopic*, fraktal atau paisley. Warna-warna yang terang dan berkontras tinggi juga sering digunakan. Selain itu, terdapat

unsur pengulangan, bulatan yang berpusat, *phosphenes* dan motif lain yang bermain dengan ilusi optik. Antara artis yang terlibat dalam “*Psychedelic Art*” ialah Pablo Amaringo, Chris Dyer, David Barnes, Scott Draves, dan Yayoi Kusama.



Figura 2.1.3.1: Colin Forest,
Psychedelic Web, 2013, Digital
Art- Fractal



Figura 2.1.3.2: Deborah Benoit,
Sunrise Kaleidoscope, 2012, Digital
Art

2.2 Contoh karya

Berdasarkan konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa karya sebagai rujukan. Pengkaji membuat rujukan terhadap beberapa buah karya yang dihasilkan oleh seniman barat dan Asia sebagai panduan serta perbandingan. Seniman barat yang menjadi rujukan ialah Edvard Munch, dan Pipilotti Rist. Di samping itu, karya-karya seniman dari Asia yang menjadi rujukan ialah Yayoi Kusama.

Aspek-aspek yang dirujuk dan dikaji adalah termasuk dari segi idea, visual serta pengolahan imej dan mesej yang ingin diketengahkan oleh pengkarya tersebut mempunyai kaitan dengan aspek yang dikaji.

Berkaitan Edvard Munch, pengkaji merujuk buku yang ditulis oleh Messer (1987), karya yang bertajuk '*The Scream*' (figura 2.2.1) dimana dalam karya ini pengkaji merujuk kepada idea dan intipati serta elemen yang terkandung di dalam karya tersebut. Melalui karya '*The Scream*', sedikit sebanyak memberikan idea kepada pengkaji untuk melahirkan sesuatu komentar berdasarkan aspek psikologi melalui perspektif seni. Menerusi karya tersebut, Edvard Munch menggunakan elemen garisan yang sangat ekspresif serta warna dominan yang digunakan iaitu warna panas dalam menampilkan konflik emosi. Selain itu, *main subject* iaitu figura yang seakan-akan sedang menjerit juga jelas menonjolkan kesulitan dalaman yang dihadapi oleh pengkarya melalui karya tersebut. Menerusi karya ini, pengkaji merasakan bahawa cara pengolahan serta elemen dan prinsip seni melalui karya ini memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada perluahan emosi yang hendak disampaikan.




Figura 2.2.1: Edvard Munch, *The Scream*, 1893, Oil, tempera, pastel and crayon on cardboard, 91 cm x 73.5 cm (36 in x 28.9 in)